



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA TINDAKAN TERHADAP PUSAT JAGAAN PERSATUAN KEBAJIKAN RUMAH PELANGI (RAINBOW HOME)

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius kes yang telah tular melibatkan Pusat Jagaan Persatuan Kebajikan Rumah Pelangi (Rainbow Home) Cheras, Selangor.

Sehubungan itu, satu pemeriksaan telah dijalankan pada **10 April 2025 (Khamis)** oleh Pegawai Diberi Kuasa (PBDK), Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Hulu Langat dan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) D11, Ibu Pejabat Polis Daerah Kajang.

Susulan pemeriksaan tersebut, dua orang penjaga premis telah diminta hadir ke IPD Kajang untuk tindakan lanjut. Sebagai langkah awal, pihak PKMD Hulu Langat telah mengeluarkan **perintah penutupan premis dan semua kanak-kanak yang berada di pusat jagaan tersebut telah diselamatkan.**

Seramai 18 orang kanak-kanak, terdiri daripada 12 lelaki dan 6 perempuan, telah dibawa ke Hospital Kajang bagi menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum dibawa ke PKMD Hulu Langat untuk proses saringan awal.

KPWKM melalui JKM akan terus memantau situasi ini dan akan mengambil langkah susulan yang sewajarnya demi memastikan keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak. Pihak Jabatan juga ingin menasihatkan orang ramai yang mengetahui tentang kes penderaan boleh terus menghubungi Talian Kasih di talian 15999 atau nombor WhatsApp 019-2615999 atau terus ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang terdekat bagi mendapatkan bantuan segera.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)
11 April 2025**